

18/03/1998

PM terima anugerah berprestij jurubina

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menerima anugerah Persekutuan Antarabangsa Persatuan Kontraktor Asia dan Pasifik Barat (IFAWPCA)-Atsumi, satu anugerah paling berprestij oleh jurubina dan kontraktor antarabangsa.

Anugerah itu diperkenalkan pada 1993 ketika konvensyen ke-26 di Tokyo oleh mendiang Takeo Atsumi, seorang jurubina terkemuka yang banyak menyumbang ke arah kemajuan industri pembinaan di seluruh dunia.

Perdana Menteri menerima anugerah itu daripada balu Atsumi, Itsuko pada jamuan persahabatan anjuran IFAWPCA sempena konvensyennya ke-29 di sini.

Anugerah termasuk wang tunai AS\$3,000 itu diberikan kepada pemenang pada setiap konvensyen IFAWPCA.

Menurut urusetia IFAWPCA yang berpejabat di Manila, Dr Mahathir dipilih sebagai menghargai sumbangan beliau terhadap kemajuan dan pembangunan industri pembinaan di Malaysia.

Dalam kata aluan penganugerahan itu, Dr Mahathir disifatkan sebagai peneraju kepesatan pembangunan dan wawasan serta aspirasi bagi membawa Malaysia ke arah negara industri dalam abad ke-21.

Perdana Menteri juga berjaya membawa pelbagai pembangunan, termasuk Jambatan Pulau Pinang, Lebuhraya Utara-Selatan, Menara Kuala Lumpur, Menara Kembar Petronas, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Laluan Kedua Johor-Singapura, Putrajaya dan projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Dalam ucapan ringkasnya selepas menerima anugerah itu, Dr Mahathir berkata beliau tidak pernah menjadi kontraktor atau pemaju, tetapi meminta orang lain untuk membina projek.

Perdana Menteri berkata, semua projek besar ini bukanlah projeknya sendiri, tetapi satu impian negara untuk dikongsi bersama.

"Projek besar itu yang disebut sebagai projek mega oleh sesetengah pihak sebenarnya adalah projek kecil.

"Sebagai contoh projek KLIA di Sepang yang dibina di atas kawasan seluas 10,000 hektar adalah projek membabitkan perbelanjaan AS\$4 bilion," katanya.

Bagaimanapun, katanya, sebuah lapangan terbang baru yang sedang dibina memerlukan pembiayaan AS\$20 bilion iaitu lima kali lebih besar daripada KLIA.

(END)